

14/11/1999

Wanita utamakan kemenangan

KUANTAN: Wanita Umno tidak terkilan jika pucuk pimpinan parti tidak dapat memenuhi permintaan memberi kuota tertentu bagi calon dari Wanita dalam pilihan raya kali ini, jika ia menjejaskan kemenangan Barisan Nasional (BN).

Ketuanya, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata walaupun pihaknya berharap permintaan calon Wanita turut diberi perhatian kepemimpinan tertinggi parti, khasnya Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tetapi keutamaan tetap diberi kepada usaha untuk memberi kemenangan kepada BN.

Katanya, pemilihan akhir calon yang diputuskan Dr Mahathir kelak dilakukan bukan sekadar untuk memenuhi kuota tertentu, sebaliknya ia mengambil kira peluang parti memenangi kerusi berkenaan.

"Saya percaya senarai nama calon yang bakal dipilih bertanding dalam pilihan raya 29 November ini, sedang dirundingkan.

"Walaupun kita meminta kuota tertentu berhubung pencalonan wanita tetapi perkara utama yang diambil kira ialah memastikan kemenangan BN. Kita tidak terkilan jika calon yang dikemukakan, tidak dipilih jika ia menjejaskan BN," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Hari Kecemerlangan Pendidikan dan mesyuarat agung Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Ubai (SKU), dekat sini semalam.

Dalam majlis itu, Siti Zaharah meluluskan permohonan SKU untuk mendapatkan tiga komputer, manakala 20 komputer lagi diberi kepada Sekolah Kebangsaan Jaya Gading yang dilawatnya sebelum itu.

Sementara itu, mengulas perjumpaan Dr Mahathir dengan Pergerakan Pemuda dan Wanita BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada jam 10 pagi esok (hari ini), Siti Zaharah berkata majlis itu penting kerana Dr Mahathir akan memberi amanat khas kepada semua petugas BN.

"Presiden parti akan memberi amanat penting kepada semua petugas BN di kalangan Pemuda dan Wanita, supaya mereka bekerja dalam satu pasukan.

"Walaupun pucuk pimpinan meletakkan sasaran supaya BN terus memenangi pilihan raya kali ini, ia dilakukan tanpa menjejaskan prinsip persetujuan di kalangan parti komponen BN yang dipersetujui sebelum ini," katanya.

Beliau berkata, dijangka 5,000 anggota Pemuda dan Wanita BN menghadiri perjumpaan berkenaan.

(END)